

EK

ECONEWS

KERAJAAN AKAN GALAK SEKTOR SWASTA CEBURI INDUSTRI BERAT

PETALING JAYA, 18 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI KERAJAAN AKAN MENGGALAKKAN LEBIH BANYAK PENYERTAAN SEKTOR SWASTA DALAM PERTUMBUHAN INDUSTRI-INDUSTRI BERAT MENERUSI PENSWASTAAN ATAU KERJASAMA ANTARA PARA PELABUR TEMPATAN DAN ASING.

SEHINGGA KINI, TAMBAHNYA, SEKTOR AWAM MEMAINKAN PERANAN UTAMA DALAM MEMBIAYAI PERTUMBUHAN INDUSTRI-INDUSTRI BERAT SAMA ADA SECARA TERUS ATAU MENERUSI KERJASAMA DENGAN SEKTOR SWASTA.

+KAMI HARAP PENYERTAAN SEKTOR AWAM AKAN BERKURANGAN KE TAHAP MENGENALPASTI PROJEK DAN MEWUJUDKAN PELUANG-PELUANG UNTUK PELABURAN SWASTA,+ KATANYA PADA MAJLIS MEMETERAI PERJANJIAN ANTARA PERWAJA STEEL SDN BHD DENGAN SEBUAH KONSORTIUM ASING DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENAMBAH BAHAWA MALAYSIA AKAN MENJADI LOKASI MENARIK KEPADA PARA PENGELUAR BARANGAN HILIRAN DENGAN KEWUJUDAN BESI BERMUTU DENGAN HARGA SETANDING YANG DIKELUARKAN OLEH PERWAJA STEEL SERTA INSENTIF PELABURAN DAN KESTABILAN POLITIK NEGARA INI.

DENGAN KILANG PELEBURAN TERUS SYARIKAT ITU MULA BEROPERASI SEPENUHNYA, JUMLAH KELUARAN AKAN MENINGKAT KEPADA 1.2 JUTA TONNE BESI SPAN SETAHUN, KATANYA.

BESI LEBUR TERUS YANG AKAN DIKELUARKAN OLEH KILANG ITU AKAN MEMBOLEHKAN KILANG BILLETNYA MENGELUARKAN PELBAGAI JENIS BESI -- DARI BESI MUTU PALING TINGGI KEPADA BESI YANG DIGUNAKAN OLEH INDUSTRI PEMBINAAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA INI AKAN MEMBUKA PELUANG-PELUANG BARU KEPADA PERWAJA DALAM PELBAGAI AKTIVITI HILIRAN MANAKALA KEPADA NEGARA PULA, DEKAD SEBENAR PERINDUSTRIAN TELAH BERMULA.

+TIADA NEGARA YANG BOLEH DISIFATKAN TELAH BERSIFAT PERINDUSTRIAN JIKA IA KEKURANGAN KEMAMPUAN UNTUK MENGELUARKAN DAN MEMPROSES BESI,+ TAMBAHNYA.

+WALAUPUN BANYAK BAHAN-BAHAN BARU DIGUNAKAN DALAM BARANG-BARANGAN MODEN, BESI TERUS MENJADI BAHAN ASAS,+ KATANYA.

SELAIN DARIPADA PERWAJA, INDUSTRI KERETA, KILANG TIMAH GELUNG, KILANG SIMEN, KILANG-KILANG ENJIN MOTOSIKAL DAN JUGA PERBADANAN PERINDUSTRIAN BERAT MALAYSIA (HICOM) TELAH BERJAYA DAN MEMPEROLEHI UNTUNG,+ TAMBAHNYA. -- BERNAMA